

PERUNDANGAN

Pinda akta komunikasi bendung jenayah siber, pengaruh pengganas

Cadangan pindaan terhadap Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) dan Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 589) yang akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada Oktober ini harus disambut baik semua pihak.

Menurut Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, pindaan terhadap akta terbabit adalah satu daripada langkah strategik yang komprehensif bagi menangani masalah jenayah serta salah guna siber yang dilihat semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini oleh penjenayah siber seperti penyebaran berita palsu, fitnah serta penipuan.

Ini termasuk bagi membendung ancaman pengaruh kumpulan pengganas serta berbentuk militan yang dilihat semakin serius. Kebanyakan ancaman pengaruh kumpulan pengganas serta berbentuk militan disalurkan melalui kemudahan komunikasi internet yang terdapat melalui Facebook kerana ia dilihat kumpulan terbabit sebagai saluran mudah bagi mereka menyebarkan segala propaganda

songsang bagi mempengaruhi masyarakat umum terutama golongan belia yang menuntut di universiti serta murid bersekolah.

Seorang pelajar perempuan berumur 14 tahun dilaporkan ditahan polis di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) beberapa bulan lalu kerana dipercayai cuba menyertai kumpulan pengganas militan Negara Islam (IS) di Syria. Persoalannya sekarang, mengapa penjenayah siber, kumpulan pengganas serta militan gemar menggunakan internet untuk memperluaskan pengaruh serta melakukan kegiatan jenayah siber seperti *cyberbullying*, *phishing* dan penipuan perbankan?

Penggunaan media sosial

Jawapannya mudah. Penggunaan media sosial dalam internet seperti Facebook, WhatsApp, Telegram, Twitter, Instagram, WeChat serta Youtube sudah jadi satu kelaziman untuk berkomunikasi hampir semua lapisan masyarakat. Bukan saja landasan media sosial baru terbabit sudah menjadi saluran komunikasi uta-

ma dalam negara kita malah ia juga sering dianggap sebagai satu-satunya sumber maklumat utama dan sah bagi kebanyakan pihak.

Pelbagai undang-undang telah lama wujud di Malaysia yang boleh digunakan bagi mengawal selia segala yang berlaku dalam dunia siber selain Akta Komunikasi seperti Akta Jenayah Komputer 1997 (Akta 563), Akta Hasutan 1948 (Akta 15), Akta Fitnah 1957 (Akta 286), serta Kanun Keseksaan (Akta 574).

Namun cadangan untuk meminda kedua-dua akta komunikasi yang berusia hampir 20 tahun itu dilihat dapat memperkukuhkan lagi peranan akta terbabit dalam menangani isu jenayah siber dalam negara kita sesuai keadaan semasa. Antara peruntukan yang dilihat boleh dipinda ialah Seksyen 211 dan 233 dengan mengenakan hukuman denda lebih tinggi dan penjara yang lama bagi penjenayah siber serta cadangan bagi mewujudkan satu pasukan penguatkuasaan khas seperti 'polis siber' bagi memantau serta mengawal selia situasi yang berlaku di alam maya.

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

Kehadiran 'polis siber' perlu bagi memastikan kegiatan fitnah, hasutan, serta elemen negatif lain tidak terus berleluasa berlaku di alam maya dalam negara kita. Tambahan pula dengan kehadiran pengaruh puak militan pengganas seperti IS dan lain-lain, kewujudan 'polis siber' penting bagi mengekang sebarang penyalahgunaan media sosial di alam maya yang boleh menghasut serta mempengaruhi orang ramai terutama golongan remaja dan kanak-kanak yang masih bersekolah.

Pemantapan peranan SKMM

Pindaan yang mungkin dicadangkan juga mungkin membabitkan pemantapan peranan yang bakal dimainkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi

mengawal selia serta menguat kuasa peruntukan undang-undang berkaitan dengan isu keselamatan di alam maya. Namun, sebelum sebarang cadangan pindaan dilakukan, penting bagi Kementerian terbabit berbincang dengan pelbagai pihak dalam negara bagi memastikan keberkesanan pindaan terbabit sebelum cadangan pindaan terbabit dilaksanakan kelak.

Proses didikan, kesedaran

Walau apa bentuk pun pindaan yang ingin dilakukan kelak, langkah penting membendung kegiatan jenayah dari berterusan menerjerat mangsa dalam alam maya ialah melalui proses didikan serta kesedaran mengenai aspek keselamatan yang perlu dititikberatkan serta bahaya yang mungkin terdedah oleh pengguna.

Pihak berkaitan dengan isu terbabit seperti pihak SKMM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), Kementerian Pendidikan, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) hendaklah sentiasa bekerjasama secara berterusan memberi didikan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai aspek keselamatan yang perlu dijaga serta jenis bahaya yang mungkin menimpa melalui laman sosial ketika melayarinya.

Dr Muzaffar Syah Mallow,
Universiti Sains Islam Malaysia
(USIM)